

13 JUN 2003

SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH BAGI ERDOGAN

PUTRAJAYA, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Turki Recep Tayyip Erdogan menerima sambutan permaidani merah semasa beliau memulakan lawatan tiga hari ke Malaysia.

Erdogan dan isteri, Emine disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di istiadat sambutan rasmi di Dataran Perdana di sini, hari ini.

Pemimpin Turki itu dan rombongan 200 orang termasuk lima orang menteri mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang pagi ini.

Di majlis itu, lagu kebangsaan Turki dan Malaysia dimainkan dan selepas itu pemimpin Turki dengan diiringi Dr Mahathir memeriksa perbarisan kehormat oleh 103 anggota dan tiga pegawai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja pimpinan Mejar Saiful Bahari Zainol.

Menteri-menteri Kabinet negara dan perwakilan asing di negara ini kemudian diperkenalkan kepada Erdogan.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian ke pejabat Perdana Menteri yang terletak berdekatan untuk mengadakan mesyuarat tertutup dan ia disusuli oleh pertemuan delegasi.

Dr Mahathir akan menganjurkan majlis makan malam bagi tetamu negara itu di Seri Perdana malam ini.

-- BERNAMA

MAM SHI AHH PR